

07/03/2003

`Atasi segera kelemahan' (HL)

Salina Abdullah

PETALING JAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam menegaskan, masalah yang boleh menjejaskan usaha Malaysia mencapai matlamat Wawasan 2020 seperti pengurusan lemah dan tidak cekap, penyelenggaraan kurang bermutu dan perkhidmatan pelanggan yang buruk, perlu diatasi segera.

Sambil menyifatkan masalah itu sebagai petanda bahawa Malaysia memiliki infrastruktur berkelas dunia, tetapi mentaliti dunia ketiga, Pemangku Perdana Menteri berkata, keadaan itu menjadikan negara dalam bahaya.

"Kita memiliki dan membangunkan perkakasan, tetapi tidak perisian. Keadaan ini bukan saja menjejaskan sektor awam dan swasta malah masyarakat secara amnya," katanya menyampaikan ucapatama `Bersaing Untuk Esok' pada ceramah anjuran Persatuan Oxford dan Cambridge Malaysia, di sini semalam.

Abdullah memetik Laporan Persaingan Dunia 2002 di mana Malaysia menduduki tempat ketujuh dari segi perancangan infrastruktur, tetapi di tangga ke-13 dalam amalan atau kerehnan birokrasi yang menjejaskan perniagaan dan tempat ke-24 dari segi kepuasan pelanggan dalam sektor perkhidmatan.

Malah, katanya, beliau terkejut apabila mendapat tahu hanya sebuah hotel di negara ini tersenarai daripada 56 hotel di Asia yang memberi perkhidmatan berkesan kepada pelanggan.

"Bagi mengurus sebuah hotel di Malaysia, ahli perniagaan memerlukan kira-kira 64 kelulusan berasingan daripada pelbagai agensi setiap tahun," katanya.

Beliau turut memberi contoh masalah kelewatan dalam pengurusan kelulusan di Pejabat Tanah di mana tempoh enam bulan atau lebih menjadi perkara biasa walaupun untuk mendapatkan kelulusan mudah.

"Kita boleh bayangkan apa yang ia lakukan kepada kecairan aset-aset peribadi. Dokumentasi pinjaman di Malaysia boleh mengambil masa berbulan-bulan, sedangkan aras tanda antarabangsa diukur mengikut hari.

"Ini adalah antara kos tidak kelihatan dalam ekonomi Malaysia," katanya sambil menambah perkara itu akan ditangani oleh satu jawatankuasa baru mengenai daya saing, yang dipengerusikannya.

Abdullah memberi jaminan akan meneruskan Wawasan 2020 yang diilhamkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagi membawa memastikan kemajuan dan kesejahteraan negara ini berterusan.

Sambil menyifatkan wawasan itu sebagai lengkap, progresif, moden dan berasaskan keunikan rakyat Malaysia, beliau yang kini memangku jawatan Perdana Menteri berkata, wawasan Dr Mahathir itu dapat membawa negara seiring pembangunan global.

"Melihat kepada Wawasan 2020 ini, tiada sebab untuk kita tidak menerimanya. Wawasan 2020 sudah menjadi wawasan saya dan wawasan seluruh rakyat Malaysia. Kita tidak memerlukan satu mimpi lain."

Abdullah bagaimanapun menegaskan, Wawasan 2020 tidak akan dicapai jika rakyat tidak mengubah pemikiran, sikap dan mental dalam pelbagai aspek sejajar perubahan dan cabaran semasa.

Rakyat harus memajukan diri dalam cara yang tidak pernah difikirkan, menangani segala kelemahan, bersikap jujur dan terbuka.

"Usaha memajukan Malaysia dan menjadikannya lebih baik bermakna memajukan rakyat dan menjadikan rakyat lebih baik. Jika kita tidak dapat menghadapi dan menangani cabaran ini, kita akan menjadi rakyat Malaysia yang miskin, ketinggalan dan terpinggir," katanya.

Beliau berkata, rakyat negara ini tidak wajar berselindung di belakang

kejayaan jangka pendek atau mementingkan diri, sebaliknya membina keyakinan bagi membantu negara mencapai wawasan berkenaan.

Namun, katanya, keyakinan juga boleh menyebabkan sesetengah pihak berasa selesa dan berpuas hati dengan kejayaan yang dicapai sekali gus tidak berusaha untuk mencapai lebih kejayaan dalam kehidupan.

"Berjaya hari ini tidak bermakna kita akan berjaya di masa depan. Kita tidak boleh merancang seolah-olah masa depan itu tidak berubah. Sebagai contoh, pasukan bola sepak kita boleh mengalahkan Korea Selatan dan Jepun tetapi hari ini, kita terpaksa berhempas-pulas menghadapi Laos.

"Begitu juga badminton. Pemain kita dulu bertaraf dunia, tetapi hari ini, di manakah kedudukan kita?" katanya.

Abdullah berkata, Malaysia sudah melihat destinasiya (ke arah Wawasan 2020) tetapi jalan ke arah itu masih dalam proses pembentukan.

"Kita tahu apa yang kita inginkan tetapi kita tidak pasti bagaimana. Kita mahu menjadi negara maju tetapi ekonomi ekonomi global menjadi semakin mudah berubah dan tidak dapat diramal. Kita mahu mewujudkan satu bangsa Malaysia tetapi anak-anak kita semakin renggang.

"Kita mahu menjadi masyarakat yang matang dan liberal tetapi tanda-tanda tidak bertoleransi dan pemencilan mula muncul. Kita mahu melahirkan masyarakat saintifik tetapi kita kekal sebagai pengguna dan bukan pereka cipta teknologi," katanya.

Dalam sesi soal jawab selepas itu, Abdullah berkata, bangsa Malaysia boleh bersaing malah menjadi yang terbaik dalam cabaran baru dunia jika bersedia bekerjasama menyumbang masa dan tenaga selain berhati-hati dalam tindakan.

Katanya, kejayaan Kuala Lumpur menganjurkan Sidang Kemuncak Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) Ke-13 baru-baru ini adalah contoh terbaik bangsa Malaysia bekerjasama menjayakan sesuatu.

Begitu juga dengan kejayaan pemain badminton negara, Muhammad Hafiz Hashim menjuarai perseorangan lelaki Kejohanan Badminton Seluruh England, baru-baru ini.

"Ini juga membuktikan jika ada kesungguhan dan tumpuan, kita boleh mencapai kejayaan walaupun sudah menanti lebih 37 tahun. Kejayaan itu diharap permulaan bagi kejayaan yang lebih besar," katanya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Oxford dan Cambridge Malaysia, Tan Sri Abdullah Ahmad yang juga Ketua Pengarang Kumpulan The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad (NSTP), ketika ditemui selepas majlis itu yakin bangsa Melayu akan mampu mengubah sikap dan pemikiran mereka tetapi memerlukan sedikit masa.

"Saya tidak bimbangkan rakyat Cina dan India kita kerana mereka biasanya bertindak-balas lebih pantas berbanding Melayu. Orang Melayu harus sedar masa tidak menunggu sesiapa. Kegagalan untuk berubah akan menyebabkan kita ketinggalan," katanya.

Turut hadir pada majlis itu ialah Raja Muda Perak, Raja Nazrin Shah; wakil industri dan wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO).